

TEKS UCAPAN

**YANG BERHORMAT DATO' SRI ROHANI ABDUL
KARIM
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

**PADA 9HB. APRIL, 2015 JAM (KHAMIS)
JAM 9.30 PAGI
DI MASJID NEGARA, KUALA LUMPUR**

**MAJLIS PERASMIAN
PROGRAM PRIHATIN "KASOOT WHEELCHAIR" BAGI
MEMUDAHKAN GOLONGAN ORANG KURANG UPAYA
(OKU) YANG BERKERUSI RODA BERSEMBAHYANG
DI RUANG UTAMA MASJID BERSAMA-SAMA
MAKMUM LAIN**

Assalamualaikum, Salam Hormat dan Salam
1Malaysia

1) Alhamdulillah, bersyukur kita kehadiran Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat kita bersama-sama berkumpul di hari yang penuh bermakna ini di Masjid Negara, Kuala Lumpur untuk MAJLIS PERASMIAN Pelancaran Program Prihatin “KASOOT WHEELCHAIR” bagi memudahkan Golongan Orang Kurang Upaya (OKU) yang menggunakan kerusi roda bersembahyang berjemaah bersama makmum yang lain di ruang utama masjid.

2) Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kepada Pertubuhan Prihatin Orang Kurang Upaya

1Malaysia yang mengambil langkah inisiatif ke atas Golongan OKU supaya ianya dapat berganding beribadah di ruang masjid bersama-sama makmum dari pelbagai golongan umur dan peringkat usia. Perkara ini harus dititikberatkan malahan ianya dituntut di dalam fardhu ain dan kifayah agama kita. Sesungguhnya dedikasi serta semangat yang ditunjukkan oleh semua yang terlibat membuktikan bahawa kita semua peka dan mengambil berat terhadap masalah dan keperluan OKU pada masa ini.

Berdasarkan *World Report on Disability 2011* yang diterbitkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan Bank Dunia, adalah dilaporkan bahawa kira-kira 15% daripada rakyat sesebuah negara terdiri daripada

golongan orang kurang upaya (OKU) atau mereka yang hidup dengan ketidakupayaan tertentu. Berdasarkan kepada jumlah penduduk negara ini pada tahun **2014**, iaitu seramai **30.1 juta orang**, maka dianggarkan **4.5 juta orang** adalah terdiri daripada golongan OKU. Hingga **31 Januari 2015**, OKU yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat melalui Sistem Pengurusan Maklumat OKU (SMOKU) adalah seramai **341,011 orang** .

Perkembangan globalisasi semasa telah memberi kesan secara tidak langsung terhadap isu-isu berkaitan OKU yang telah mengalami anjakan paradigma daripada **pendekatan berasaskan kebajikan (*charity-based approach*)** kepada

pendekatan berasaskan hak (*right-based approach*). Anjakan ini adalah selaras dengan saranan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang memberi fokus terhadap konsep "*non-discrimination*" atau tiada diskriminasi di mana OKU mempunyai hak dan peluang yang sama seperti anggota masyarakat yang lain.

Sehubungan itu, Kerajaan pada tahun 2007 telah menggubal Dasar dan Pelan Tindakan OKU yang menjadi asas kesaksamaan hak dan peluang kepada OKU bagi penyertaan penuh dalam masyarakat. Di samping itu, Akta OKU 2008 juga telah digubal bagi memastikan hak, kepentingan dan kesejahteraan golongan OKU sentiasa terpelihara.

3) Selaku Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), saya akan sentiasa memastikan usaha serta inisiatif pihak kementerian dalam membantu serta memertabatkan Golongan OKU dilaksanakan dengan jayanya agar mereka mendapat layanan yang setara seperti orang lain tanpa diskriminasi dan tanpa mereka rasa terpinggir ke arah kita menuju negara maju menjelang 2020 nanti.

Tuan-tuan dan puan-puan,

KASOOT WHEELCHAIR

4) Program ini memperlihatkan keprihatinan semua pihak yang bergading bahu dan menggembeng tenaga antara PERTUBUHAN

ini, sukarelawan kebajikan dan pihak Kerajaan serta para penyumbang dan dermawan dalam melaksanakan program yang berkonsepkan Masjid Mesra OKU yang memperkenalkan gajet baru iaitu "KASOOT WHEELCHAIR" yang bertujuan untuk melindungi dan mengalask kedua-dua roda supaya sentiasa kekal bersih serta boleh digunakan di ruang utama masjid dan rumah kediaman serta rumah ibadat kaum lain.

5) Memperkenalkan "KASOOT WHEELCHAIR" yang digarapkan bagi membantu Golongan OKU yang menggunakan kerusi roda untuk mengalask dan melindungi roda agar tidak kotor di ruang masjid merupakan satu iltizam dan usaha berterusan yang harus dipandang mulia.

6) Saya difahamkan, selain menjaga kebersihan ruang utama solat di dalam masjid, "KASOOT WHEELCHAIR" serta turut boleh digunakan dalam kawasan rumah agar ruang rumah kita sentiasa bersih dan tidak kotor. "KASOOT WHEELCHAIR" juga turut menjaga kebersihan tangan serta mudah dipasang pada roda kerusi roda dan mesra pengguna.

7) Saya melihat pembaharuan yang dibawa oleh PERTUBUHAN ini dilihat mampu membantu Golongan OKU untuk terus mengejarkan solat berjemaah di ruang solat utama bersama-sama makmum yang lain dan saya berharap idea sebegini diteruskan serta saya juga mengalu-alukan kerjasama dari

pelbagai pihak khususnya syarikat korporat dalam menjayakan sebahagian dari program “CORPORATE SOSIAL RESPONSIBILITY (CSR)” mereka.

8) Saya juga dimaklumkan pada awal pagi tadi sehingga tengahari, iaitu pengisian Penganjuran Program sempena pelancaran ‘KASOOT WHEELCHAIR” ialah program “I LOVE CLINIC SOLAT” yang menampilkan para penceramah professional bagi menunjuk ajar cara-cara bersolat bagi Golongan OKU di atas kerusi roda. Cara bersolat ini juga bertujuan untuk melatih serta mengajar golongan OKU yang beragama Islam mengerjakan solat dengan mengikut kemampuan mereka.

9) Kita sedia maklumkan bahawa solat adalah rukun Islam yang kedua yang wajib

ditunaikan oleh setiap orang Islam. Setiap orang Islam samada tua atau muda, samada sakit atau tidak, wajib mengerjakan solat dan perintah mendirikan solat ini telah pun bermula semenjak berlakunya satu peristiwa besar di dalam Islam yang dilalui oleh baginda Rasulullah SAW iaitu peristiwa Israk dan Mikraj.

10)Sehubungan dengan itu, agama Islam telah mensyariatkan semua golongan manusia termasuk golongan OKU wajib mengerjakan solat dan cara pelaksanaan solat bagi golongan OKU sedikit berbeza dari orang normal dan ianya juga mengikut kadar keupayaan golongan OKU tersebut sepertimana juga cara solat orang yang sakit. Solat golongan OKU sama seperti orang

normal pada rukun niat dan pada rukun bacaan kecuali pada rukun perbuatan yang melibatkan pergerakan anggota badan mengikut keupayaan masing-masing.

Hadirin yang dihormati,

UNIVERSAL DESIGN PRODUCT

11) Baru-baru ini, Kementerian saya melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Majlis Rekabentuk Malaysia (MRM), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah menubuhkan *Universal Design Product Showcase @ JKM-MRM* yang merupakan satu *Smart Partnership* antara kedua-dua pihak dan ia juga adalah yang pertama di Malaysia. Penubuhan Universal

Design Product Showcase @ JKM-MRM di Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP) adalah untuk menyebarkan konsep dan kepentingan penggunaan produk Universal Design (UD) di kalangan masyarakat Malaysia kerana “Universal Design respects human diversity (since every individual is unique) and promotes the inclusion of all people in all activities of life”.

12) Penubuhan showcase ini adalah amat selari dengan hasrat JKM untuk menjadikan PLPP sebagai Pusat Kecemerlangan OKU iaitu sebuah pusat yang dapat dijadikan sebagai pusat rujukan bagi semua berkaitan OKU seperti pendidikan, prostetik, ortotik, aksesibiliti dan sebagainya. Produk bercirikan *universal design* ini sesuai untuk semua

golongan masyarakat tanpa mengira peringkat umur, keupayaan dan sebagainya dan usaha menubuhkannya juga dilihat dapat menggalakkan pengeluaran produk untuk menghasilkan pelbagai pilihan produk, meningkatkan jumlah pengeluaran serta memperluaskan penggunaan produk berkonsepkan *universal design* di kalangan masyarakat.

13) Saya melihat usaha Pertubuhan ini juga salah satu inisiatif untuk usaha untuk menyebarkan konsep dan kepentingan penggunaan produk Universal Design (UD) di kalangan masyarakat Malaysia. Syabas dan tahniah saya ucapkan.

BANTUAN KEPADA OKU

14) Selain itu, dalam usaha memberikan kesejahteraan hidup golongan OKU, Kementerian juga melalui JKM turut memberikan keutamaan dan menyalurkan bantuan kewangan kepada golongan OKU yang berkelayakan serta memenuhi kriteria yang ditetapkan. Langkah ini bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan hidup golongan OKU dan membantu mereka menjalani kehidupan yang lebih berkualiti.

15) Antara bantuan yang disediakan termasuk, Bantuan kewangan seperti Elaun Pekerja Cacat (EPC) RM350 sebulan, Bantuan OKU tidak berupaya bekerja (BTB) RM200 sebulan, Bantuan Penjagaan OKU terlantar

dan pesakit kronik terlantar (BPT) RM300 sebulan, Elaun pelatih OKU di bawah program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) RM150 sebulan, Bantuan Geran Pelancaran (BGP) RM2700 sekaligus dan Bantuan alat tiruan/sokongan (BAT) mengikut kadar sebenar sekaligus dibayar.

16) Sesungguhnya, apa yang dilaksanakan pihak Kerajaan amnya, dan Kementerian khususnya adalah bagi memberikan kesejahteraan kepada golongan OKU menjalani kehidupan yang lebih harmoni. Meskipun nilainya tidak banyak, namun ia dapat membantu mengurangkan beban yang ditanggung oleh golongan ini. Saya yakin dan percaya golongan OKU mampu berdikari dalam menjana kehidupan yang lebih selesa.

Hadirin yang dihormati,

GALAK KERJASAMA DENGAN SYARIKAT KORPORAT

17) Hari ini PERTUBUHAN ini telah muncul sebagai Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang membantu kerajaan dalam menganjurkan program bermanfaat serta kreatif yang melibatkan golongan OKU dengan pihak masjid dalam konteks memahami dan mendekatkan golongan OKU dengan institusi masjid. Sudah tentu program seumpama ini secara tidak langsung akan membantu masyarakat dan pihak Jabatan Agama Islam serta pihak JKM dalam pelbagai aspek khidmat sokongan sosial yang dilihatkan

mendekatkan lagi golongan OKU kembali bersama dalam persekitaran keluarga dengan berada dalam kelompok komuniti.

18) Di kesempatan ini juga, saya ingin menyeru kepada pihak individu dan korporat agar tampil membantu golongan OKU melalui Pertubuhan Prihatin Orang Kurang Upaya 1Malaysia bagi mendapatkan bantuan "Kasoot Wheelchair" untuk memudahkan golongan OKU Islam berjemaah di dalam ruang masjid bersama-sama jemaah yang lain.

19) Sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, saya sekali lagi ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Pertubuhan Prihatin Orang Kurang Upaya 1Malaysia (PRIHATIN), Pengarah JKM Kuala Lumpur

serta semua warga kerja JKM termasuk pihak pengurusan Pemulihan Dalam Komuniti (PDK), Iman Besar dan pengurusan Masjid Negara Kuala Lumpur, wakil-wakil masjid dari seluruh Kuala Lumpur, pihak-pihak korporat dan para penyumbang, agensi-agensi kerajaan yang telah membantu dan menyokong secara langsung dan tidak langsung serta kepada semua yang terlibat dalam menjayakan program ini.

Dengan lafaz BISMILLAHHIRAHMANIRRAHIM, saya dengan sukacitanya merasmikan dan melancarkan PROGRAM PRIHATIN "KASOOT WHEELCHAIR"

Sekian, terima kasih.

Wabillahi

Taufiq

Walhidayah

Wassalamualaikum

Warahmatullahi

Wabaraktuh.